



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

MOA ANTARA LEMBAGA KAUNSELOR MALAYSIA DAN AIRASIA AVIATION MANAGEMENT SDN BHD: MEMPERKASA SOKONGAN PSIKOSOSIAL, MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN NEGARA

SEPANG, 9 JUN 2026 – Pagi ini saya telah merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) dan AirAsia Aviation Management Services Sdn. Bhd.. Kerjasama yang telah terjalin sejak tahun 2016 dan kini memasuki pelanjutan kedua ini, mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam memperkukuh kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi dalam pengurusan krisis secara menyeluruh.

Impak sesuatu krisis bukan sahaja melibatkan aspek fizikal, malah turut memberi kesan terhadap emosi dan kesejahteraan mental individu yang terlibat. Justeru, melalui kerjasama ini, kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia akan bersedia melaksanakan pelbagai bentuk intervensi seperti Psychological First Aid (PFA), sokongan psikososial dan kaunseling bagi membantu individu yang terkesan dalam situasi kecemasan. KPWKM sentiasa komited dalam memperkasa agenda kesihatan mental negara melalui pelbagai inisiatif termasuk pengukuhan perkhidmatan kaunseling komuniti dan Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam sehari.

Saya turut menghargai komitmen AirAsia dalam menyediakan sokongan logistik, latihan dan kerjasama operasi yang mampu memperkukuh keupayaan tindak balas negara dalam situasi kecemasan. Kerjasama strategik ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai ihsan, kesejahteraan dan tanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan mental rakyat. Saya yakin usaha ini bukan sahaja memberi manfaat kepada organisasi yang terlibat, malah turut menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih berdaya tahan, prihatin dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

YB LIM HUI YING
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
9 JUN 2026